

## Tahap Pengetahuan, Penerimaan dan Penguasaan Pelajar Etnik Bidayuh Bukar Sadung dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Melalui Peta Pemikiran *I-Think*

Level of Knowledge, Acceptance and Mastery of Bidayuh Bukar Sadung Ethnic Students in Malay Language Learning Through *i-Think* Thinking Map

CHRISTINE ANAK LINSAH & ZAMRI MAHAMOD

### ABSTRAK

*Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan, penerimaan dan penguasaan penggunaan peta pemikiran i-Think sebagai alat berfikir untuk menguasai Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Kajian tinjauan ini melibatkan 234 orang pelajar tingkatan empat etnik Bidayuh Bukar Sadung (BBS) daripada empat buah sekolah menengah di Daerah Serian, Sarawak. Instrumen soal selidik digunakan untuk mengumpul data. Data dianalisis menggunakan program SPSS (Statistical Package For Social Sciences Version 22.0). Statistik deskriptif seperti frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai digunakan untuk menjawab soalan kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengetahuan responden tentang nama dan proses pemikiran peta pemikiran i-Think berada pada peratusan yang rendah. Sebaliknya, tahap pengetahuan tentang penggunaan peta pemikiran i-Think dalam PdPc Bahasa Melayu adalah sederhana, manakala tahap penerimaan terhadap peta pemikiran i-Think pelajar pula berada pada tahap tinggi. Implikasi kajian ini ialah pembelajaran Bahasa Melayu membantu pelajar etnik Bidayuh menguasai dan mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mereka dengan baik.*

*Kata kunci: Pengetahuan; penerimaan; penguasaan; peta pemikiran; pelajar etnik Bidayuh*

### ABSTRACT

*This study was conducted to identify the level of knowledge and acceptance of the use of i-Think thinking map as a thinker to master Bahasa Melayu as a second language. The survey in this study involved 234 of form four students from Bidayuh Bukar Sadung (BBS) ethnic in Serian District, Sarawak. Questionnaire was employed as the instrument used to collect data. Data were then analyzed using SPSS program (Statistical Package For Social Sciences Version 22.0). Descriptive statistics such as frequency, percentage, mean and standard deviation are used to answer the study questions. The findings show that the knowledge of the respondents on the names and processes of thought thinking map i-Think are at a low level. On the other hand, the level of knowledge on the use of i-Think thinking map in Malay Language reveals as moderate, while the level of acceptance of the i-Think thinking map is high. This study implies that language learning helps Bidayuh ethnic students to master the Malay Language as their second language well.*

*Keywords: Knowledge; acceptance; mastery; thinking maps; Bidayuh ethnic students*

### PENGENALAN

Pelaksanaan Program *i-Think* oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan tujuan mempertingkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar sekolah ke arah melahirkan pelajar berinovatif dan mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Peta pemikiran *i-Think* telah diasaskan dan dikembangkan oleh David Hyerle (1996) menjadi akar umbi pelaksanaan program ini yang memberikan fokus kepada penyelidikan komprehensif tentang cara guru menjadi fasilitator dalam melahirkan pelajar yang kreatif,

berfikiran analitis, memahami konsep dan bersistem dalam pemikiran melalui alat pemikiran visual.

Dalam Sukatan Pelajaran KBSM Bahasa Melayu (KPM 2000), terdapat empat kemahiran asas berbahasa yang perlu dikuasai oleh para pelajar iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Menurut Loganathan (2014), penguasaan kemahiran berbahasa memerlukan kepelbagaian situasi dan konteks yang meliputi pelbagai kemahiran berfikir yang boleh dipersembahkan dalam bentuk peta pemikiran secara grafik dan visual. Bahasa Melayu merupakan bahasa kedua bagi penutur bukan jati Bahasa Melayu. Pembelajaran bahasa kedua secara formal bergantung kepada beberapa faktor

seperti instrinsik, sosiopolitik, linguistik, pedagogi dan lain-lain (Zamri et al. 2013). Mereka mempelajari dan menguasai Bahasa Melayu bukan sahaja untuk tujuan peperiksaan, tetapi sebagai alat berkomunikasi dan perpaduan akibat latar sosial yang berbeza dalam sesebuah kelas di samping meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda (Zamri 2016a, 2016b; James et al. 2003). Justeru, pelbagai kaedah serta alat bantu mengajar yang bersesuaian diaplikasikan dalam pembelajaran Bahasa Melayu agar mudah untuk pelajar bukan Melayu menguasai bahasa tersebut.

#### PERNYATAAN MASALAH

Perkembangan teknologi siber dan akses kepada Internet yang semakin berkembang menuntut perubahan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran. Bidang pendidikan perlu ditingkatkan dalam membentuk ciri pelajar abad ke-21. Ciri-ciri pelajar abad ke-21 ialah berupaya membuat hubung kait, bijak menyoal, yakin berkomunikasi, dahagakan ilmu, mengambil risiko, ingin tahu, menjana idea, fleksibel, tidak berputus asa, mendengar dan membuat refleksi, berkemahiran kritis, menguasai kemahiran literasi, berani mencuba, mampu berfikir sendiri, berinisiatif, mampu bekerja dengan orang, membuat perubahan, berintegriti serta berkeperibadian tinggi (Buletin Anjakan Bil.4/2015). Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) mulai 2011 dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) mulai 2017 merupakan transformasi pendidikan dalam usaha melahirkan modal insan yang seimbang yang mampu mendepani cabaran semasa dan akan datang (Sharifah Nor 2012).

Selaras dengan ini, pihak KPM telah bekerjasama dengan Agensi Inovasi Malaysia (di bawah Jabatan Perdana Menteri) melaksanakan Program *i-Think* dengan memperkenalkan peta pemikiran *i-Think* sebagai alat berfikir yang mampu merangsang cara berfikir pelajar dan berpotensi meningkatkan tahap penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar (Vishalache et al. 2014). Namun tahap keberkesanan penggunaan peta ini terhadap pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar bukan penutur jati Bahasa Melayu belum dipastikan lagi sama ada peta pemikiran *i-Think* ini dapat meningkatkan tahap penguasaan Bahasa Melayu mereka. Selain itu, persoalan berkaitan tahap pengetahuan serta penerimaan pelajar etnik BBS terhadap penggunaan

peta pemikiran *i-Think* dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua perlu di rungkai sama ada menyokong kajian yang dijalankan oleh Jumaliah dan Zamri (2014), Nik Nur Fariah dan Zamri (2014), serta Noor Hidayu dan Yahya (2014) atau tidak.

Permasalahan tentang proses pembelajaran Bahasa Melayu terhadap pelajar bukan Melayu pernah dikaji oleh beberapa orang pengkaji antaranya Chew Fong Peng (2016) mengenai permasalahan pelajaran Bahasa Melayu terhadap pelajar Cina sekolah rendah. Turut mempengaruhi permasalahan dalam pembelajaran Bahasa Melayu ini ialah faktor sikap, minat serta motivasi pelajar bukan Melayu seperti dalam kajian Zamri dan Mohd. Amin (2008) serta Zamri (2014, 2016a). Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Abdul Rahim dan Mohd Sharifudin (2014) mengenai sikap kanak-kanak Orang Asli yang berumur antara 8 hingga 10 tahun di bandar raya Kuala Lumpur terhadap penguasaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Di Sarawak, Jerie (2011) turut menjalankan kajian tentang sikap dan motivasi pelajar Iban dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Salah satu permasalahan yang dianggap lapuk namun masih lagi diamalkan ialah kaedah pengajaran *chalk and talk* sudah tidak relevan dengan gaya pembelajaran abad ke-21. Ciri-ciri pembelajaran abad ke-21 merangkumi aspek komunikasi, pemikiran kritis, kolaborasi dan kreativiti. Namun golongan pendidik masih lagi mempraktikkan kaedah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang lebih berpusatkan guru dan mengamalkan kaedah konvensional dalam pengajaran Bahasa Melayu (Buletin Anjakan Bil.4/2015). Kaedah pengajaran konvensional menunjukkan guru mendominasi kelas (Fauziah et al. 2005). Kaedah konvensional yang disamakan seperti kaedah *chalk and talk* semata-mata kurang berhasil menarik minat pelajar sebaliknya memerlukan kaedah yang lebih dinamik dan kreatif (Buletin Anjakan, Bil. 4/2015). Selaras dengan pendekatan pembelajaran berkonsepkan pembelajaran abad ke-21, guru hanya berperanan menyediakan bahan rangsangan pembelajaran. Para pelajar belajar dalam kumpulan atau menggunakan alat bantuan pembelajaran termasuk pelbagai bahan bacaan, audio, video, komputer dan internet (Pelita Bahasa, Jun 2016). Oleh itu, penggunaan peta pemikiran *i-Think* sebagai alat pemikiran abad ke-21 sesuai diaplikasikan oleh para guru agar dapat menukar kaedah pengajaran yang berpusat kepada guru kepada pelajar di samping merangsang serta

meningkatkan daya berfikir pelajar (Zamri et al. 2016; Saemah & Zamri 2016) terutama pelajar sebagai penutur bahasa kedua Bahasa Melayu untuk membudayakan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kelas dan seterusnya membantu para pelajar tersebut untuk menguasai Bahasa Melayu.

Tanggapan negatif serta minat pelajar bukan Melayu yang rendah terhadap pembelajaran Bahasa Melayu turut menjadi isu yang perlu diketengahkan. Chew Fong Peng (2016) mendapati bahawa pelajar-pelajar bukan Melayu tidak berminat dalam pembelajaran Bahasa Melayu kerana mempunyai tanggapan bahawa pembelajaran Bahasa Melayu lebih berpusatkan orang Melayu. Apabila tidak mempunyai minat terhadap sesuatu subjek, maka mereka juga tiada motivasi untuk mempelajari subjek tersebut (Fauziah et al. 2005). Namun sebaliknya jika minat itu wujud terutama dalam pembelajaran Bahasa Melayu, pelajar mampu melakukan semua aktiviti seperti main peranan, menulis skrip, lakonan dan sebagainya. Menurut Tan Shin Yen dan Siti Hajar (2015), para pelajar lebih menyukai cara mudah dan cepat untuk diberi jawapan berbanding diminta untuk memikirkkan dengan lebih mendalam. Mereka tidak mahu berfikir dan tiada motivasi untuk berfikir.

Dalam proses menguasai Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, satu bahan alat bantu mengajar yang berkesan perlu digunakan dalam sesi PdPc Bahasa Melayu memandangkan prosesnya agak mencabar. Menurut Zamri, (2016b), pembelajaran sesuatu melalui bahasa kedua mengambil masa yang panjang (lima hingga tujuh tahun) dan menjadi satu halangan yang utama untuk pelajar mendapatkan pengetahuan. Pavio (1990) dalam Vishalache et al. (2014) mendapati 90% maklumat yang sampai ke otak kita adalah dalam bentuk visual. Peta pemikiran *i-Think* sebagai satu alat visual berbentuk grafik dilihat mampu merangsang minat, meningkatkan kefahaman seterusnya membantu dalam meningkatkan pencapaian pelajar penutur bahasa kedua terhadap penguasaan Bahasa Melayu. David Hyerle, pencipta *i-Think* menyimpulkan peta pemikiran *i-Think* sebagai visual bahasa yang biasa untuk pemikiran (Vishalache et al. 2014). Justeru, langkah menggunakan peta pemikiran *i-Think* sebagai bahan bantu mengajar diharap dapat membantu pelajar-pelajar BBS dalam menguasai Bahasa Melayu.

Kajian berkaitan penggunaan peta pemikiran *i-Think* dalam PdPc Bahasa Melayu pernah dikaji oleh Jumaliah dan Zamri (2014), Nik Nur Fariah dan

Zamri (2014), serta Noor Hidayu dan Yahya (2014). Masalah berkaitan proses PdPc Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua pula pernah dikaji oleh Jerie dan Zamri (2011), Kamillah Ayu (2015), Zamri et al. (2016), Mohamad Yazid (2016) dan lain-lain, tetapi semuanya berkaitan dengan pelajar bukan Melayu di Semenanjung Malaysia. Belum ada satu kajian yang mengaitkan penggunaan peta *i-Think* dengan tahap penguasaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar bukan Melayu di Sarawak amnya, khususnya dalam kalangan pelajar etnik BBS yang mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Oleh itu kajian ini mengkaji sama ada penggunaan peta pemikiran *i-Think* membantu tahap penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar etnik BBS dengan baik.

## TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penggunaan peta pemikiran *i-Think* terhadap penguasaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar tingkatan 4 daripada etnik Bidayah Bukar Sadung (BBS) di Daerah Serian, Sarawak. Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengetahui kekekapan dan peratusan pengetahuan pelajar etnik BBS tentang lapan jenis peta pemikiran *i-Think*.
2. Mengetahui tahap pengetahuan pelajar etnik BBS terhadap penggunaan peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.
3. Mengetahui tahap penerimaan pelajar etnik BBS terhadap penggunaan peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.
4. Mengetahui tahap penguasaan pelajar etnik BBS terhadap penggunaan peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

## METODOLOGI

### REKA BENTUK KAJIAN

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk tinjauan. Kajian tinjauan merupakan satu kaedah untuk mengumpulkan maklumat dengan menanyakan senarai satu set soalan kepada satu sampel individu

yang dipilih daripada satu populasi yang hendak dikaji (Sabitha 2005). Borang soal selidik yang disediakan oleh penyelidik berkaitan pengetahuan pelajar etnik BBS terhadap penggunaan peta pemikiran *i-Think*, penerimaan pelajar etnik BBS terhadap penggunaan *i-Think* dalam pembelajaran Bahasa Melayu, dan penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar etnik BBS berbantuan peta pemikiran *i-Think*. Borang soal selidik diedarkan kepada pelajar etnik BBS di empat buah sekolah menengah di Daerah Serian. Oleh itu, kaedah ini sesuai untuk mengetahui, mengenal pasti serta mengukuhkan data kuantitatif bagi kajian berkaitan penggunaan peta pemikiran *i-Think* terhadap penguasaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar etnik BBS.

#### POPULASI, LOKASI DAN SAMPEL

Populasi dalam kajian ini merupakan pelajar tingkatan 4 etnik BBS di Daerah Serian. Seramai 557 orang pelajar tingkatan 4 daripada empat buah sekolah menengah kebangsaan yang dikaji. Kajian ini hanya melibatkan empat berbanding enam buah sekolah menengah kerajaan di Daerah Serian. Pengkaji memilih penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970). Walaupun 400 soal selidik diedarkan namun pengkaji berjaya mengutip balik 234 borang dan bilangan ini sesuai berdasarkan Jadual Krejcie dan Morgan (1970). Justeru, hanya 234 orang responden yang terlibat dalam kajian ini.

#### INSTRUMEN KAJIAN

Dalam kajian ini instrumen yang digunakan untuk mengumpul data merupakan soal selidik yang mengandungi pernyataan-pernyataan bagi menjawab soalan kajian. Soal selidik yang sama juga digunakan untuk mengumpul data bagi kajian rintis. Instrumen kajian ini diubah suai daripada kajian Jumaliah (2014) dan Nik Nur Fariyah (2014). Set soal selidik yang digunakan dalam kajian ini terbahagi kepada lima bahagian. Bahagian A merupakan maklumat asas latar belakang responden. Bahagian B pula mengandungi maklumat berkaitan tahap pengetahuan responden tentang nama serta proses pemikiran bagi lapan jenis peta pemikiran *i-Think*. Item-item soal selidik dalam Bahagian C mengandungi maklumat berkaitan tahap pengetahuan responden

mengenai penggunaan peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Bahagian D mengandungi maklumat berkaitan tahap penerimaan responden terhadap penggunaan peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Bahagian E mengetengahkan tahap penguasaan Bahasa Melayu responden dengan penggunaan peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

Bahagian C, D dan E menggunakan skala ukuran Likert 5 tahap yang mengandungi lima pilihan jawapan daripada nilai 1 hingga 5. Kedudukan skala adalah seperti berikut: 1. Sangat tidak setuju (STS), 2. Tidak setuju (TS), 3. Kurang setuju (KS), 4. Setuju (S), dan 5. Sangat setuju (SS). Responden diminta untuk membulatkan nombor yang bersesuaian berdasarkan kenyataan yang diberikan.

#### KAJIAN RINTIS DAN KEBOLEHPERCAYAAN ITEM

Kajian rintis telah dilakukan terhadap 30 orang pelajar tingkatan 4 yang merupakan pelajar etnik BBS dari sebuah sekolah menengah di Daerah Serian sesuai dengan ciri-ciri pelajar yang akan digunakan untuk memperoleh data kajian. Semua data yang diperolehi daripada kajian rintis dianalisis dengan menggunakan perisian *SPSS version 22.0*. Data melibatkan tiga konstruk dalam kajian, iaitu pengetahuan pelajar etnik BBS terhadap penggunaan peta pemikiran *i-Think*, penerimaan pelajar etnik BBS terhadap penggunaan peta pemikiran *i-Think* dan penguasaan pelajar etnik BBS melalui pembelajaran Bahasa Melayu menggunakan peta pemikiran *i-Think*.

Dapatan kajian rintis mendapati nilai alpha Cronbach bagi konstruk pengetahuan pelajar kaum BBS terhadap penggunaan peta pemikiran *i-Think* ialah 0.82, nilai alpha Cronbach bagi konstruk penerimaan pelajar etnik BBS terhadap peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran Bahasa Melayu ialah 0.91, dan nilai alpha Cronbach bagi konstruk penguasaan Bahasa Melayu pelajar etnik BBS melalui penggunaan peta pemikiran *i-Think* ialah 0.88. Hal ini menunjukkan item-item yang terdapat dalam ketiga-tiga konstruk diterima kerana mempunyai nilai yang sesuai. Menurut Mohd Majid (2005), nilai alpha yang melebihi 0.600 dikategorikan sebagai item yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

## ANALISIS DATA

Data dianalisis secara deskriptif, iaitu secara kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai sahaja. Data dianalisis melalui perisian *Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 22.0*. Mohd Majid

(2005) menyatakan bahawa min adalah petanda arah tuju hasil kajian. Oleh itu, penentuan julat min sama ada tinggi, sederhana atau rendah ditentukan berdasarkan kepada jadual penetapan min oleh Mohd Majid (2005) seperti yang berikut:

JADUAL 1. Tahap penilaian responden berdasarkan min

Skala	Tahap
3.68 - 5.00	Tinggi
2.34 - 3.67	Sederhana
1.00 - 2.33	Rendah

## DAPATAN KAJIAN

## DEMOGRAFI RESPONDEN

Dapatan kajian seperti dalam Jadual 2 menunjukkan jumlah responden lelaki dan perempuan masing-masing seramai 117 orang (50.0%). Taburan frekuensi dan peratusan responden berdasarkan aliran adalah seramai 75 orang (32.1%) merupakan pelajar aliran Sains dan seramai 159 (67.9%) orang pula merupakan pelajar aliran Sastera. Bagi taburan frekuensi dan peratusan responden berdasarkan pendidikan ibu bapa, hasil dapatan kajian menunjukkan sebahagian besar ibu bapa responden mendapat pendidikan sekolah menengah iaitu seramai 146 orang (62.4%), diikuti oleh pendidikan sekolah rendah iaitu seramai 41 orang (17.5%), seterusnya pendidikan universiti atau kolej seramai 25 orang (10.7%) dan tiada pendidikan iaitu seramai 22 orang (9.4%). Di samping itu, seramai 149 orang (64%) ibu bapa responden bekerja sebagai petani yang merupakan jumlah tertinggi, manakala ibu bapa responden yang bekerja sebagai kakitangan awam mahupun swasta menduduki jumlah kedua

tertinggi iaitu seramai 52 orang (22%) diikuti lain-lain pekerjaan iaitu seramai 30 orang (13%) dan jumlah paling rendah ialah ibu bapa responden yang bekerja sebagai peniaga iaitu seramai 3 orang (1%).

Taburan frekuensi dan peratusan responden berdasarkan jenis pekerjaan ibu bapa responden menunjukkan sebahagian besar ibu bapa responden berpendapatan antara RM 500 - RM 1000 iaitu seramai 88 (37.6%). Jumlah kedua tertinggi ialah jumlah ibu bapa responden yang berpendapatan kurang daripada RM 500 iaitu seramai 66 orang (28.2%). Seterusnya ialah ibu bapa responden yang berpendapatan antara RM 1000 - RM 3000 iaitu seramai 58 orang (24.8%) dan paling sedikit ibu bapa responden yang berpendapatan melebihi RM 3000 iaitu seramai 22 orang (9.4%). Dapatan kajian menunjukkan bahasa BBS merupakan bahasa yang paling banyak dituturkan oleh responden dengan ahli keluarganya iaitu seramai 203 orang (86.8%). Bahasa kedua paling banyak dituturkan oleh responden ialah Bahasa Melayu iaitu seramai 26 orang (10.7%), manakala bahasa paling sedikit dituturkan antara responden dengan ahli keluarganya ialah Bahasa Inggeris iaitu seramai 6 orang (2.6%).

JADUAL 2. Profil responden kajian

Profil	Kumpulan	Frekuensi	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	117	50
	Perempuan	117	50
Aliran	Sains	75	32
	Sastera	159	68
Tahap pendidikan ibu bapa	Tiada	22	9
	Sekolah rendah	41	18
	Sekolah menengah	146	62
	Universiti/kolej	25	11

Pekerjaan ibu bapa	Kakitangan awam/swasta	52	22
	Petani	149	64
	Peniaga	3	1
	Lain-lain	30	13
Pendapatan isi keluarga	Kurang RM500	68	28
	RM500-RM1000	88	38
	RM1000-RM2000	58	25
	Melebihi RM3000	22	9
Bahasa pertuturan dalam keluarga	Bahasa Bidayah Bukar Sadung	203	87
	Bahasa Melayu	25	11
	Bahasa Inggeris	6	3
Penguasaan Bahasa Melayu ahli keluarga	Tidak baik	4	2
	Kurang baik	51	22
	Baik	179	77








### TAHAP PENGETAHUAN PELAJAR TENTANG LAPAN JENIS PETA PEMIKIRAN *i-Think*





Jadual 3 menunjukkan seramai 216 orang (92.3%) responden mengetahui nama Peta Pokok yang merupakan jumlah tertinggi berkaitan nama peta pemikiran *i-Think*. Sebaliknya hasil kajian mendapati seramai 75 orang (32.1%) tidak tahu nama Peta Pelbagai Alir. Paling ramai mengetahui proses

pemikiran bagi Peta Alir adalah seramai 116 orang (49.6%). Namun, sebaliknya seramai 127 orang (54.%) tidak mengetahui proses pemikiran yang melibatkan Peta Pokok.

Secara keseluruhan, tahap pengetahuan pelajar etnik BBS tentang lapan jenis peta pemikiran *i-Think* berada dalam tahap rendah seperti yang terdapat dalam Jadual 4.

JADUAL 3. Kekerapan dan peratusan pengetahuan tentang lapan jenis peta pemikiran *i-Think* pelajar etnik BBS

Peta Pemikiran <i>i-Think</i>		Frekuensi dan peratus (%)	
 Peta Bulatan Mendefinisi	Nama	Tahu	187 (79.9)
		Tak tahu	47 (20.1)
 Peta Buih Menerangkan atau memerihalkan	Proses	Tahu	114 (48.7)
		Tak tahu	120 (51.3)
 Peta Buih Berganda Banding beza	Nama	Tahu	208 (88.9)
		Tak tahu	26 (11.1)
 Peta Pokok Membuat pengelasan	Proses	Tahu	109 (46.6)
		Tak tahu	125 (53.4)
 Peta Pokok Membuat pengelasan	Nama	Tahu	179 (76.5)
		Tak tahu	55 (23.5)
 Peta Pokok Membuat pengelasan	Proses	Tahu	110 (47.0)
		Tak tahu	124 (53.0)
 Peta Pokok Membuat pengelasan	Nama	Tahu	216 (92.3)
		Tak tahu	18 (7.7)
 Peta Pokok Membuat pengelasan	Proses	Tahu	107 (45.7)
		Tak tahu	127 (54.3)

 Peta Dakap Hubungan bahagian-seluruh	Nama	Tahu	172 (73.5)
	Proses	Tahu	113 (48.3)
 Peta Alir Urutan	Nama	Tahu	180 (76.5)
	Proses	Tahu	116 (49.6)
 Peta Pelbagai Alir Sebab dan akibat	Nama	Tahu	159 (67.9)
	Proses	Tahu	114 (48.7)
 Peta Titi Analogi, hubungan yang sama	Nama	Tahu	183 (78.2)
	Proses	Tahu	109 (46.6)
		Tak tahu	62 (26.5)
		Tak tahu	121 (51.7)
		Tak tahu	54 (23.1)
		Tak tahu	118 (50.4)
		Tak tahu	75 (32.1)
		Tak tahu	120 (51.3)
		Tak tahu	51 (21.8)
		Tak tahu	125 (53.4)

#### TAHAP PENGETAHUAN PELAJAR ETNIK BBS TERHADAP PENGGUNAAN PETA PEMIKIRAN *i-Think* DALAM PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KEDUA

Dalam Jadual 4, item pengetahuan yang berada pada tahap tinggi ialah item 5, iaitu ‘*Saya tahu bahawa peta pemikiran i-Think memudahkan saya untuk berfikir*’ yang merupakan item pengetahuan yang mendapat min paling tinggi (min=4.03). Item pengetahuan lain yang berada pada tahap tinggi ialah item 7, ‘*Saya dapat menggunakan peta pemikiran i-Think dengan baik dalam pembelajaran*

*Bahasa Melayu*’ (min=3.74) dan item 8, ‘*Saya dapati peta pemikiran i-Think sesuai dengan aktiviti pembelajaran Bahasa Melayu*’ (min=3.97). Item yang mempunyai skor min pada tahap yang paling rendah ialah item 4 ‘*Saya dapat mengenali lapan Peta pemikiran i-Think yang diperkenalkan*’ (min=3.20). Secara keseluruhannya, purata skor min yang diperoleh ialah 3.57, iaitu berada pada tahap sederhana. Hal ini menunjukkan tahap pengetahuan pelajar etnik BBS terhadap peta pemikiran *i-Think* masih berada pada tahap sederhana pengetahuan penggunaan peta pemikiran *i-Think* ketika belajar Bahasa Melayu.

JADUAL 4. Tahap pengetahuan pelajar etnik BBS terhadap penggunaan peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap Pengetahuan
1	Saya tahu tentang peta pemikiran <i>i-Think</i>	3.40	0.798	Sederhana
2	Saya mempunyai pengetahuan tentang penggunaan peta pemikiran <i>i-Think</i>	3.28	0.795	Sederhana
3	Saya mengetahui faktor peta pemikiran diperkenalkan dalam Program <i>i-Think</i>	3.27	0.825	Sederhana
4	Saya dapat mengenali lapan peta pemikiran <i>i-Think</i> yang diperkenalkan.	3.20	0.921	Sederhana
5	Saya tahu bahawa peta pemikiran <i>i-Think</i> memudahkan saya untuk berfikir.	4.03	0.839	Tinggi
6	Saya mendapati pendedahan penggunaan peta pemikiran <i>i-Think</i> yang diadakan oleh pihak sekolah mencukupi.	3.65	0.901	Sederhana
7	Saya dapat menggunakan peta pemikiran <i>i-Think</i> dengan baik dalam pembelajaran Bahasa Melayu.	3.74	0.837	Tinggi
8	Saya dapati peta pemikiran <i>i-Think</i> sesuai dengan aktiviti pembelajaran Bahasa Melayu.	3.97	0.868	Tinggi
<b>Min Keseluruhan</b>		<b>3.57</b>	<b>0.848</b>	<b>Sederhana</b>

TAHAP PENERIMAAN PELAJAR ETNIK BBS TERHADAP PENGGUNAAN PETA PEMIKIRAN *i-Think* DALAM PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KEDUA

Jadual 5 menunjukkan item 2 iaitu '*Peta pemikiran i-Think amat berguna dalam proses pembelajaran Bahasa Melayu* memperoleh nilai min paling tinggi iaitu ( min=3.96 ). Seterusnya diikuti item 6 '*Penggunaan peta pemikiran i-Think menjadikan saya lebih mudah mengingati sesuatu fakta dalam PdPc Bahasa Melayu*' dengan nilai ( min=3.94). Nilai min yang terendah bagi konstruk penerimaan

pelajar terhadap penggunaan peta pemikiran *i-Think* ialah item 12 '*Saya pasti kemahiran membina peta pemikiran i-Think memerlukan pemahaman yang mendalam dan masa yang lama untuk dikuasai*' dengan nilai ( min=3.65). Purata skor min yang diperoleh ialah 3.82 iaitu pada tahap tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa tahap penerimaan pelajar etnik BBS terhadap penggunaan peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua adalah tinggi. Pelajar etnik BBS mengakui akan kepentingan penggunaan peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

JADUAL 5. Tahap penerimaan pelajar etnik BBS terhadap penggunaan peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap Penerimaan
1	Pengajaran menggunakan peta pemikiran <i>i-Think</i> membuatkan saya ingin belajar Bahasa Melayu.	3.82	0.821	Tinggi
2	Peta pemikiran <i>i-Think</i> amat berguna dalam proses pembelajaran Bahasa Melayu.	3.96	0.799	Tinggi
3	Saya suka belajar Bahasa Melayu dengan menggunakan peta pemikiran <i>i-Think</i> .	3.84	0.746	Tinggi
4	Saya suka membuat nota dan latihan dengan menggunakan peta pemikiran <i>i-Think</i> dalam pembelajaran Bahasa Melayu.	3.81	0.838	Tinggi
5	Pengajaran guru dengan menggunakan peta pemikiran <i>i-Think</i> amat berkesan untuk membantu saya lebih faham mengenai sesuatu perkara dalam pembelajaran Bahasa Melayu.	3.88	0.806	Tinggi
6	Penggunaan peta pemikiran <i>i-Think</i> menjadikan saya lebih mudah mengingati sesuatu fakta dalam pembelajaran Bahasa Melayu.	3.94	0.789	Tinggi
7	Peta pemikiran <i>i-Think</i> lebih membantu saya untuk membentuk konsep kandungan keseluruhan topik dalam pembelajaran Bahasa Melayu.	3.85	0.787	Tinggi
8	Pembelajaran berbantuan peta pemikiran <i>i-Think</i> amat menyeronokkan, mudah dan realistik.	3.91	0.765	Tinggi
9	Dengan menggunakan peta pemikiran <i>i-Think</i> saya dapat menggambarkan perkaitan di antara konsep penting dalam sesuatu tajuk dalam pembelajaran Bahasa Melayu.	3.76	0.718	Tinggi
10	Saya dapat memahami konsep yang lebih khusus dan konsep yang lebih umum dengan menggunakan peta pemikiran <i>i-Think</i> dalam pembelajaran Bahasa Melayu.	3.64	0.741	Sederhana
11	Peta pemikiran <i>i-Think</i> dapat membantu saya untuk mengaitkan satu topik yang lain dalam satu tajuk dalam pembelajaran Bahasa Melayu.	3.81	0.725	Tinggi
12	Saya pasti kemahiran membina peta pemikiran <i>i-Think</i> memerlukan pemahaman yang mendalam dan masa yang lama untuk dikuasai	3.65	0.843	Sederhana
<b>Min Keseluruhan</b>		<b>3.82</b>	<b>0.782</b>	<b>Tinggi</b>

TAHAP PENGUASAAN PELAJAR ETNIK BBS TERHADAP PENGGUNAAN PETA PEMIKIRAN *i-Think* DALAM PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KEDUA

Hasil dapatan kajian mendapati item 6 iaitu '*Peta pemikiran i-Think membantu saya memahami*

*pengajaran yang disampaikan oleh guru Bahasa Melayu*' memperoleh nilai min tertinggi iaitu 3.93. Seterusnya item 5 '*Peta pemikiran i-Think membantu saya memahami maksud sesuatu ayat yang ditulis dalam Bahasa Melayu*' ( min=3.83). Bagi nilai min terendah pula merujuk kepada item 2 '*Saya dapat menulis dalam Bahasa Melayu dengan*



tidak membuat kesalahan ejaan hasil pembelajaran Bahasa Melayu menggunakan peta pemikiran *i-Think*' dengan ( min=3.63 ). Purata skor min yang diperoleh ialah 3.75 iaitu berada pada tahap tinggi. Hal ini bermakna tahap penguasaan Bahasa Melayu

pelajar etnik BBS meningkat hasil penggunaan peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Peta pemikiran *i-Think* membantu pelajar etnik BBS mempelajari dan menguasai Bahasa Melayu dengan baik.

JADUAL 6. Tahap penguasaan Bahasa Melayu pelajar melalui penggunaan peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap Penerimaan
1	Peta pemikiran <i>i-Think</i> membantu saya membina ayat Bahasa Melayu dengan betul menggunakan perkataan yang baru dipelajari.	3.79	0.726	Tinggi
2	Saya dapat menulis dalam Bahasa Melayu dengan tidak membuat kesalahan ejaan hasil pembelajaran Bahasa Melayu menggunakan peta pemikiran <i>i-Think</i> .	3.63	0.701	Sederhana
3	Saya dapat menghasilkan penulisan menggunakan Bahasa Melayu dengan baik hasil pembelajaran menggunakan peta pemikiran <i>i-Think</i> .	3.71	0.674	Tinggi
4	Saya berjaya menyiapkan tugas yang diberikan dalam Bahasa Melayu dengan betul berbantuan peta pemikiran <i>i-Think</i> .	3.67	0.796	Tinggi
5	Peta pemikiran <i>i-Think</i> membantu saya memahami maksud sesuatu ayat yang ditulis dalam Bahasa Melayu.	3.82	0.782	Tinggi
6	Peta pemikiran <i>i-Think</i> membantu saya memahami pengajaran yang disampaikan oleh guru Bahasa Melayu.	3.93	0.735	Tinggi
7	Saya dapat berbincang dengan guru dengan menggunakan Bahasa Melayu dengan lancar dan betul hasil penggunaan peta pemikiran <i>i-Think</i> dalam PdPc Bahasa Melayu.	3.71	0.758	Tinggi
8	Saya memahami arahan atau soalan dalam Bahasa Melayu dengan baik sama ada secara lisan atau bertulis dengan menggunakan peta pemikiran <i>i-Think</i> .	3.71	0.766	Tinggi
9	Peta pemikiran <i>i-Think</i> memudahkan saya memahami bahan bacaan yang ditulis dalam Bahasa Melayu.	3.81	0.740	Tinggi
10	Pembelajaran menggunakan peta pemikiran <i>i-Think</i> membantu saya bercakap Bahasa Melayu dengan perbendaharaan yang betul.	3.65	0.816	Sederhana
11	Saya menggunakan Bahasa Melayu dengan lancar dan betul ketika perbincangan kumpulan hasil pembelajaran menggunakan peta pemikiran <i>i-Think</i> .	3.70	0.873	Tinggi
12	Pembelajaran menggunakan peta pemikiran <i>i-Think</i> membolehkan saya membenteng hasil perbincangan kumpulan menggunakan Bahasa Melayu dengan lancar dan betul.	3.81	0.835	tinggi
<b>Min Keseluruhan</b>		3.75	0.832	Tinggi

## PERBINCANGAN

### TAHAP PENGETAHUAN PELAJAR ETNIK BBS TENTANG LAPAN JENIS PEMIKIRAN *I-Think* DAN PENGGUNAANNYA DALAM PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KEDUA

Tahap pengetahuan pelajar etnik BBS tentang lapan jenis peta pemikiran *i-Think* yang digariskan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) adalah pada tahap rendah. Peta Pokok paling mudah dikenali namanya oleh pelajar etnik BBS, sebaliknya paling ramai tidak mengetahui nama Peta Pelbagai

Alir. Dapatan kajian juga mendapati pelajar etnik BBS paling mengenali proses pemikiran Peta Alir iaitu digunakan untuk membuat urutan sesuatu proses (KPM 2012). Namun, paling ramai tidak mengetahui proses pemikiran yang melibatkan Peta Pokok iaitu membuat pengelasan. Seterusnya, dapatan kajian tentang tahap pengetahuan pelajar etnik BBS tentang penggunaan peta pemikiran *i-Think* dalam PdPc Bahasa Melayu masih berada pada tahap memuaskan memandangkan purata skor min yang diperoleh ialah 3.57 iaitu pada tahap sederhana.

Dapatan kajian ini bertentangan dengan kajian yang dijalankan oleh Jumaliah dan Zamri (2014) yang memperlihatkan bahawa tahap pengetahuan pelajar tentang nama serta fungsi setiap peta pemikiran adalah tinggi. Pengkaji mendapati sampel kajian yang dijalankan oleh Jumaliah dan Zamri (2014) telah mendapat pendedahan awal tentang peta pemikiran *i-Think* pada awal sesi persekolahan tahun 2013 apabila mereka telah menghadiri kursus peluasan peta pemikiran *i-Think* memandangkan sekolah sampel kajian telah dipilih sebagai sekolah peluasan Program *i-Think*. Berbeza dengan sampel kajian ini, pelajar etnik BBS yang terlibat bergantung kepada pengetahuan berkaitan nama dan proses pemikiran peta pemikiran yang didedahkan melalui guru Bahasa Melayu ataupun daripada sumber Internet atau bahan bacaan berkaitan peta pemikiran *i-Think*.

Pengkaji mengandaikan bahawa responden berjaya membandingkan keberkesanan kaedah pengajaran guru tanpa atau dengan menggunakan peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Peta pemikiran *i-Think* merupakan alat berfikir yang merangsang kemahiran berfikir pelajar yang menjadikan mereka mampu menyelesaikan masalah serta pembuat keputusan. Namun demikian, dalam kajian ini pengetahuan pelajar etnik BBS tentang lapan jenis peta pemikiran *i-Think* adalah rendah secara keseluruhannya.

#### TAHAP PENERIMAAN PELAJAR ETNIK BBS TERHADAP PENGGUNAAN PETA PEMIKIRAN *i-Think* DALAM PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KEDUA

Purata skor min yang diperoleh ialah 3.82 iaitu pada tahap tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa tahap penerimaan pelajar etnik BBS terhadap penggunaan peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua adalah tinggi. Dapatan kajian ini mempunyai persamaan dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Nik Nur Fariah (2014) berkaitan tahap penerimaan responden menggunakan peta pemikiran *i-Think*. Nik Nur Fariah (2014) mendapati bahawa responden bersetuju peta pemikiran *i-Think* amat berguna dalam proses pembelajaran Bahasa Melayu mendapat min tertinggi (min=4.58) berbanding tiga item lain yang disoal dalam kategori ini. Beliau menjelaskan bahawa faktor penerimaan pelajar memberi kesan kepada sikap dan kesediaan pelajar terhadap penggunaan peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran Bahasa

Melayu. Zamri (2014) menjelaskan bahawa sangat penting untuk menguji penerimaan pelajar berkaitan kaedah baharu pengajaran. Hal ini kerana jika wujudnya tahap penerimaan yang tinggi bermaksud wujudnya minat yang mendalam dalam kalangan pelajar untuk menggunakan kaedah tersebut dalam pembelajaran sesuatu subjek.

Penggunaan peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mampu menyelesaikan permasalahan dalam pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar bukan penutur jati Bahasa Melayu khususnya dalam kalangan pelajar etnik BBS. Hal ini kerana tahap penerimaan pelajar etnik BBS yang tinggi terhadap penggunaan peta pemikiran *i-Think* membuktikan kesedaran serta keyakinan pelajar tentang kepentingan penggunaan peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

#### TAHAP PENGUSAHAAN BAHASA MELAYU PELAJAR ETNIK BIDAYUH BUKAR SADUNG TERHADAP PENGGUNAAN PETA PEMIKIRAN *i-Think* DALAM PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KEDUA

Dapatan kajian ini menunjukkan purata skor min yang diperoleh ialah 3.75 iaitu berada pada tahap tinggi. Dapatan kajian ini mempunyai persamaan dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Mohd Izzuddin dan Zamri (2016) yang menunjukkan bahawa skor min bagi aspek tatabahasa, kemahiran membaca, kemahiran menulis, kemahiran mendengar dan bertutur serta aspek seni bahasa selepas pembelajaran menggunakan peta pemikiran *i-Think* berada pada tahap yang tinggi dalam kalangan pelajar kumpulan rawatan sebuah sekolah rendah di Pekan, Pahang. Dapatan dalam kajian tersebut juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan  $p < 0.05$  daripada segi markah pencapaian Bahasa Melayu kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan selepas pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dengan menggunakan peta pemikiran *i-Think*. Dapatan ini menyamai juga dengan kajian yang dijalankan oleh Rohaida (2015), Rohaida dan Zamri (2015) terhadap pelajar sekolah rendah ketika menggunakan peta pemikiran *i-Think* dalam kemahiran menulis. Rumusan yang dapat dibuat ialah penggunaan peta pemikiran *i-Think* dapat membantu pelajar etnik BBS meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu mereka dengan baik.

## IMPLIKASI KAJIAN

Hasil kajian mendapati tahap pengetahuan pelajar mengenai nama serta proses pemikiran lapan jenis peta pemikiran *i-Think* berada pada tahap yang rendah namun pengetahuan mengenai penggunaan serta penerimaan peta tersebut tinggi dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Pelajar disarankan menggunakan peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran Bahasa Melayu kerana ia mampu merangsang kemahiran berfikir aras tinggi pelajar seterusnya membantu penguasaan Bahasa Melayu walaupun merupakan bahasa kedua.

Dapatan kajian menunjukkan penggunaan peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua jarang diaplikasikan. Guru sebagai pengajar, fasilitator serta pembimbing dalam bilik darjah jarang menggunakan peta pemikiran *i-Think* sebagai alat berfikir untuk merangsang kemahiran berfikir aras tinggi di dalam kelas. Implikasi daripada kajian dapat menyedarkan golongan pendidik agar mengaplikasikan penggunaan peta pemikiran tersebut sebagai alat berfikir untuk merangsang daya ingatan serta kemahiran berfikir pelajar agar dapat membantu mereka menguasai Bahasa Melayu dengan mudah.

Sebagai peneraju utama pentadbiran sekolah, pihak pentadbir wajar memanfaatkan program yang diperkenalkan oleh pihak Kementerian Pelajaran sebagai satu usaha untuk mewujudkan pembelajaran abad ke-21 di samping melahirkan pelajar yang mampu berfikir secara aras tinggi dalam pembelajaran. Pihak pentadbir harus memastikan guru Bahasa Melayu menghadiri kursus mengenai penggunaan peta pemikiran *i-Think*. Selain itu, memastikan program *i-Think* dilaksanakan di sekolah terutama dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

Pihak KPM melalui Bahagian Perkembangan Pendidikan perlu merancang serta melaksanakan aktiviti yang berkaitan dengan pelaksanaan Program *i-Think* di sekolah. Oleh kerana *i-Think* merupakan sebahagian daripada pembelajaran abad ke-21, maka penggunaannya dalam pembelajaran perlu diberikan perhatian. Guru Bahasa Melayu perlu sentiasa diberikan pendedahan tentang keberkesanan peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran. Aktiviti yang berkesan merupakan aktiviti yang menarik minat, diterima pelajar, menyeronokkan, merangsang kemahiran berfikir dan seterusnya memudahkan penguasaan sesuatu mata pelajaran.

## KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti penggunaan peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar etnik BBS yang berada di tingkatan 4 di Daerah Serian, Sarawak. Jelas dalam dapatan kajian menunjukkan pelajar etnik BBS mengetahui serta mempunyai kesedaran tentang kepentingan peta pemikiran *i-Think* sebagai alat berfikir yang dapat merangsang kemahiran berfikir aras tinggi dan seterusnya membantu mereka untuk menguasai kemahiran bahasa dalam subjek Bahasa Melayu walaupun penggunaannya dalam pembelajaran Bahasa Melayu jarang diaplikasikan. Golongan pendidik perlu kerap menggunakan peta tersebut dalam pengajaran Bahasa Melayu agar permasalahan dalam pembelajaran Bahasa Melayu dapat diatasi serta seiring dengan pembelajaran abad ke-21.

## RUJUKAN

- Abdul Rahim Abu & Mohd Sharifudin Yusop. 2014. Sikap kanak-kanak Orang Asli di bandar raya Kuala Lumpur terhadap penguasaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 4(2): 57-66.
- Chew Fong Peng. 2016. Masalah pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 6(2): 10-22.
- Dewan Bahasa*. 2016. Pengajaran band 3 berfokuskan kemahiran berfikir. *Pelita Bahasa*, Jun 2016.
- Fauziah Ahmad, Farilah Mohd Shah & Shamsuddeen Abdul Aziz. 2005. Choice of teaching methods: Teacher-centered or student-centered. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan* 7 (Dis): 57-74.
- Hyerle, D. 1996. Thinking maps: Seeing is understanding. *Educational Leadership* 53(12): 85-89.
- James Dawos Mamit, Ahi A.Sarok & Nicholas Amin (Pnyt.). 2003. *Creating a new Bidayuh identity*. Kuching: Dayak Bidayuh National Association.
- Jerie Peter Langan & Zamri Mahamod. 2011. Sikap dan motivasi pelajar Iban dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 1(1): 13-25.
- Jumaliah Mingan & Zamri Mahamod. 2014. Penggunaan peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah. *Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Kesusasteraan Melayu Kali Ketiga, 2014*. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jumaliah Mingan. 2014. Penggunaan peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran Bahasa Melayu peringkat menengah atas. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Kamiliah Ayu Ab. Ghani. 2015. Strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan Melayu. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2000. *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM Tingkatan Empat*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2012. *Program i-Think membudayakan kemahiran berfikir*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2015. *Buletin Anjakan KPM. Bil 4/2015*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Krejcie, R.V & Morgan, D.W. 1970. Determining sample size for research activities. *Education and Psychological Measurement* 30: 607-610.
- Loganathan Ramakrishnan. 2014. *I-Think* dalam subjek Bahasa Melayu. Dlm. Vishalache Balakrishnan et al. *Aplikasi i-Think dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Yazid Mohamad. 2016. Keperluan penggunaan strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah jenis kebangsaan Cina. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Izzuddin Che Azahari & Zamri Mahamod. 2016. Keberkesanan Penggunaan *i-Think* dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu di Peringkat Sekolah Rendah. *Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Melayu & Pendidikan Kesusasteraan Melayu Kali Kelima*. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Majid Konting. 2005. *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Cetakan Ke-7. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Nur Fariah Nik Harmi & Zamri Mahamod. 2014. Keberkesanan Kaedah Peta pemikiran *i-Think* Terhadap Pencapaian, Sikap dan Kesiapan Pelajar Tingkatan 4. *Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Kesusasteraan Melayu Kali Ketiga*. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Nur Fariah Nik Harmi. 2014 Keberkesanan kaedah peta pemikiran *i-Think* terhadap pencapaian, sikap, kesiapan dan penerimaan murid tingkatan empat. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noor Hidayu Mohd. Rahim & Yahya Othman. 2014. Keberkesanan peta pemikiran (*i-Think*) dalam Penguasaan Menulis Karangan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. *Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Kesusasteraan Melayu Kali Ketiga*. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rohaida Yusop & Zamri Mahamod. 2015. Keberkesanan peta pemikiran *i-Think* dalam meningkatkan pencapaian penulisan Bahasa Melayu pelajar tahun 6. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 5(2): 31-37.
- Rohaida Yusop. 2015. Kesan peta pemikiran *i-Think* dalam meningkatkan pencapaian kemahiran menulis karangan murid tahun 6. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sabitha Marican. 2005. *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Selangor Darul Ehsan: Prentice Hall Pearson (M) Sdn. Bhd.
- Saemah Rahman & Zamri Mahamod (Pnyt.). 2016. *Kreativiti dalam pengajaran dan pembelajaran*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sharifah Nor Puteh. 2012. Keprihatinan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 2(1): 19-31.
- Tan Shin Yen & Siti Hajar Halili. 2015. Effective teaching of higher-order thinking in education. *The Online Journal of Distance Education and e-Learning* 3(2): 41-47.
- Vishalache Balakrishnan et al. 2014. *Aplikasi i-Think dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi. 2008. Sikap pelajar Cina terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Dlm. Zamri Mahamod (Pnyt.). *Psikolinguistik dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu*, 264-284. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd.
- Zamri Mahamod, Jumaliah Mingan & Yahya Othman. 2016. Peta pemikiran dan kreativiti pelajar. Dlm. Saemah Rahman & Zamri Mahamod (Pnyt.). *Kreativiti dalam pengajaran dan pembelajaran*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod, Kamiliah Ayu Ab. Gani & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. 2016. Penggunaan strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina berdasarkan sikap dan kemahiran bahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 6(1): 38-51.
- Zamri Mahamod, Mohd. Izham Mohd. Hamzah, Abdul Razaq Ahmad & Mahdum. 2013. Sikap dan minat pelajar bukan Melayu ketika belajar Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Dlm. Zamri et al. (Pnyt.). *Himpunan penyelidikan pendidikan serantau*. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod. 2014. *Inovasi P&P dalam pendidikan Bahasa Melayu*. Cetakan Ketiga. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zamri Mahamod. 2016a. *Psikolinguistik dan pengajaran bahasa*. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod. 2016b. *Sosiolinguistik dan pengajaran bahasa*. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Christine Anak Linsah  
SMK. Serian, Serian, Sarawak  
Emel: christinelinsah@gmail.com

Zamri Mahamod  
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia  
Emel: d-zam@ukm.edu.my (Koresponden)

Diserahkan: 24 Mei 2018  
Diterima: 27 Jun 2018

